



Bomba dah sedia hadapi banjir

Putrajaya: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sudah bersedia untuk berdepan banjir sekiranya ia berlaku ketika perubahan angin monsun yang dijangka berakhir pada penghujung Mac tahun depan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Mohammad Hamdan Wahid, berkata tindakan itu adalah sebagai langkah awal menghadapi sebarang kemungkinan dan menyasarkan kawasan utara dan pantai timur Semenanjung yang dijangka mengalami banjir yang ekstrem.

Katanya, persiapan itu bermula awal bulan ini membolehkan semua keperluan peralatan dan logistik supaya berada dalam keadaan baik, termasuk persediaan pasukan Unit Udara di tiga pangkalan iaitu di Subang (Selangor), Miri (Sarawak) dan Bertam (Pulau Pinang).

"Bermula awal November hingga Mac tahun depan, JBPM akan membekukan cuti kira-kira 10,500 pegawai dan anggota di seluruh negara bagi menghadapi banjir," katanya selepas Majlis Pemakaian Tanda Pangkat Penolong Penguasa Bomba Gred KB 40 dan Pegawai Bomba Gred KB 28 dan Gred KB 22 di sini, semalam.

Baru-baru ini, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Jailan Simon, berkata Monsun Timur Laut berlaku antara November hingga Mac dan kebiasaannya hujan akan bermula di Kelantan dan Terengganu pada November hingga Disember.

Secara purata, ketika

KEMUNGKINAN BANJIR

Jabatan Meteorologi meramalkan Monsun Timur Laut bertiep hujung bulan ini hingga Mac depan membawa hujan lebat yang boleh menyebabkan banjir



PERSIAPAN BANJIR

80,672
Pegawal dan anggota agensi terlibat dalam keadaan siap siaga

6,490
Aset bantuan bot, lori, ambulans

28,552
Khemah kubikel untuk pusat pemindahan banjir

RM4 JUTA
Peruntukan kerajaan daripada KWABBN
RM100,000
Agihan kepada agensi terbabit



5,482
Pusat Pemindahan sementara untuk menampung **1,626,368** mangsa banjir



6,044 pegawai
165 kaunselor
942 Pasukan Sokongan Psikologi

11,559 sukarelawan JKM

7
Depot Simpanan Keperluan Bencana

162
Stor bencana & mini depot kontena dinegeri & daerah

528
Pangkalan hadapan

Sumber: Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma)

INFOGRAFIK Metro

monsun kedua-dua negeri menerima hujan antara 300 hingga 650 milimeter (mm) sebulan, berbanding hanya 200 hingga 300 mm.

Mohammad Hamdan berkata, keanggotaan JBPM bersiap-siaga 24 jam dari segi akses dan logistik penyelamatan, termasuk bot di setiap lokasi yang sudah dikenal pasti di seluruh negara.

Katanya, semua kelengkapan perlu diselenggara dan berada dalam keadaan baik, manakala balai yang tidak terbabit banjir akan diarah membantu kawasan dan negeri yang dilanda banjir membolehkan 296 balai

bomba seluruh negara.

"Kita juga akan terus menyelaras tindakan dengan agensi seperti METMalaysia dan Jabatan Pengairan dan Saliran untuk memberi maklumat berguna serta respons kecemasan yang membolehkan kenaikan paras air dan hujan berlebihan."

"JBPM juga mengadakan rondaan dan menyediakan pangkalan data bagi sesuatu kawasan yang dianggap hotspot, khususnya membolehkan golongan kurang upaya (OKU), warga emas dan masalah kesihatan bagi memudahkan tugas menyelamatkan sekiranya banjir," katanya.